

EGAA lancarkan transaksi dalam talian

U. malayana m/s 5
27/9/07



NOR ALIAH MOHD. ZAHRI

“EGAA akan memudahkan urusan dan transaksi dilakukan secara elektronik serta diiktiraf dari segi undang-undang”

TEKNOLOGI Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam perkhidmatan awam telah digunakan oleh pelbagai agensi dan jabatan kerajaan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Sejak akhir-akhir ini, pelbagai perkhidmatan ditawarkan oleh agensi dan jabatan terbabit bagi memudahkan urusan pelanggan dalam menyelesaikan sesuatu perkara.

Namun terdapat kebimbangan jika pihak tertentu mengambil kesempatan mencerooboh sistem keselamatan individu atau pihak tertentu sehingga menimbulkan kebimbangan kepada pemilik terbabit.

Justeru, Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 (EGAA) yang telah diluluskan di Parlimen dan mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini merupakan satu inisiatif Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) untuk memberi pengiktirafan undang-undang terhadap sesuatu mesej elektronik dalam urusan antara kerajaan dengan orang awam.

Timbalan Ketua Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) MAMPU, Dr. Nor Aliah Mohd. Zahri berkata, pihaknya sedang dalam proses untuk mewartakan akta tersebut.

Katanya, akta berkenaan akan memudahkan urusan dan transaksi dilakukan secara elektronik serta diiktiraf dari segi undang-undang.

“Akta tersebut merupakan yang pertama di dunia dan akan memberi keyakinan serta perlindungan kepada rakyat dalam urusan secara elektronik dan mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan,” katanya kepada pemberita di pejabat MAMPU baru-baru ini.

Nor Aliah berkata, pelaksanaan

EGAA adalah selaras dengan pelaksanaan aplikasi-aplikasi elektronik di agensi kerajaan.

Tambahnya, pihaknya bercadang untuk mengadakan pameran bergerak bagi menguar-uarkan EGAA kepada orang ramai.

MAMPU memainkan peranan penting dalam perancangan dan pembangunan sistem serta aplikasi ICT di agensi-agensi kerajaan.

Di samping itu MAMPU turut berperanan sebagai agensi tunjak dalam pelaksanaan projek-projek Aplikasi Kerajaan Elektronik (AKE).

Antara aplikasi tersebut ialah e-Perolehan, Sistem Pemantauan Projek (SPP-II), e-Khidmat, Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS), Persekitaran Pejabat Generik (GOE), e-Syariah dan Bursa Buruh Elektronik (ELX).

AKE dengan inisiatif pembangunan aplikasi ICT yang baru seperti e-Tanah, e-PBT, e-Masyarakat dan e-Pembelajaran terus dimantapkan dan diperluaskan.

Pada masa ini terdapat pelbagai undang-undang tertentu yang mengawal selia aktiviti yang dijalankan oleh kerajaan.

Antara aktiviti kerajaan tersebut ialah permohonan mendapatkan lesen atau permit, dokumen rasmi yang dilindungi atau ditentukan peraturannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis seperti pasport dan kad pengenalan serta penggunaan pelbagai jenis borang oleh agensi kerajaan.

Sebelum ini kesemua urusan tersebut dijalankan secara manual dan kini seiring dengan perkembangan ICT, ia dapat dilaksanakan secara elektronik.

Terdapat pelbagai kemudahan perkhidmatan disediakan seperti kiosk, memuat turun borang permohonan serta urusan pendaftaran melalui laman web agensi kerajaan.

Perkembangan itu mewujudkan keperluan untuk meyakinkan rakyat dan pihak lain bahawa urusan dengan kerajaan melalui cara elektronik adalah sah dan teratur.

Pengenalan akta itu adalah sejajar dengan dasar kerajaan untuk memudahkan urusan perniagaan elektronik serta menggalakkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam urusan perdagangan serantau dan global.

Selain itu, sebagai undang-undang siber yang mempunyai impak tinggi, ia bukan sahaja dapat meningkatkan lagi kecekapan pengurusan dan penyampaian perkhidmatan kerajaan tetapi dalam masa sama mempromosikan penggunaan transaksi elektronik kepada orang ramai.

Persekitaran kondusif itu juga dijangka akan mewujudkan ‘network effect’ kepada infrastruktur rangkaian komunikasi yang akan memberi kesan kepada permintaan pembekalan dan penggunaan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi serta aplikasi elektronik yang maju.

MAMPU akan merangka suatu mekanisme perancangan rapi bagi melaksanakan akta EGAA setelah ia digazetkan.

Satu cadangan akan dibuat supaya bahagian atau seksyen khusus bagi tujuan pelaksanaan dan pemantauan akta itu ditubuhkan.

Bahagian itu bertanggungjawab untuk mengkaji permohonan daripada agensi atau jabatan yang bercadang mengguna pakai EGAA serta meneliti prosedur-prosedur yang perlu dipatuhi sebelum diperakukan untuk pertimbangan menteri bertanggungjawab terhadap akta tersebut.

Nor Aliah berkata, MAMPU kini dalam proses memantapkan Arahan Teknologi Maklumat (ATM) yang akan membantu melicinkan pelaksanaan akta itu.

Tambahnya, penekanan juga akan diberikan kepada tahap kesediaan dan pengauditan infrastruktur dan tahap keselamatan semua agensi yang bercadang mengguna pakai akta itu berasaskan ATM.

PENGGUNA akan
lebih yakin
berurusan secara
dalam talian
dengan adanya
EGAA.

